



Ruj. Kami : JPA.(S). 600-18/10/8 Jld. 4 (12)

Tarikh : 15 April 2026

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PELAWAAN PERMOHONAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) TAHUN 2026 UNTUK PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA ATAU KEDOKTORAN (PH.D) SECARA SEPENUH MASA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini ingin mempelawa Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat dan memenuhi syarat seperti di **LAMPIRAN I** untuk memohon **Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Tahun 2026** melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing. Program HLP Tahun 2026 ini terbuka kepada semua pegawai P&P lantikan tetap dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan** termasuklah **Badan Berkanun Persekutuan** (kecuali Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan) bagi mengikuti kursus peringkat Ijazah Lanjutan (Sarjana dan Ijazah Kedoktoran) secara sepenuh masa berdasarkan **bidang khusus dan kepakaran yang berkaitan dengan skim perkhidmatan dan bidang tugas pegawai.**

3. Untuk makluman, program HLP ini tidak meliputi pegawai P&P di kementerian / jabatan / agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus pasca ijazah atau mempunyai badan penaja yang lain, kecuali bagi pegawai perkhidmatan guna sama dan kader. Antara kementerian / jabatan / agensi yang dimaksudkan ialah:

- (i) Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (ii) Kementerian Pendidikan Tinggi;
- (iii) Kementerian Pertahanan Malaysia;

- (iv) Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- (v) Jabatan / agensi yang telah diswastakan / dikorporatkan.

4. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah dimohon untuk mematuhi tatacara seperti di **LAMPIRAN II** dalam mengemukakan pencalonan pegawai masing-masing kepada Jabatan ini. Tarikh-tarikh penting bagi penawaran HLP Tahun 2026 yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH	TINDAKAN
1.	Permohonan secara dalam talian oleh pegawai melalui portal https://penajaan.jpa.gov.my	17 April – 15 Mei 2026	Pegawai / Calon HLP
2.	Tarikh tutup pencalonan pegawai oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	29 Mei 2026	Urus setia PPSM Kementerian
3.	Saringan dan temu duga	Ogos/September 2026	JPA
4.	Semakan keputusan penawaran HLP	Oktober/November 2026	Pegawai / Calon HLP

Nota : Pegawai yang berjaya ditawarkan HLP Tahun 2026 boleh memulakan pengajian masing-masing dalam tempoh mulai 1 Januari 2027 sehingga 31 Disember 2027.

5. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak penyelaras yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan, BMI, JPA

No. Telefon : 03 – 8885 3053 / 3571

E-mel : penawaranldp@jpa.gov.my


6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' JAMALULAIL BIN ABU BAKAR)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

No. Telefon : 03-8885 3005

E-mel : jamalulail.bakar@jpa.gov.my